

**MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM
TAHUN 2016
(QMS ISO 9001 KALI KEENAM, ISMS ISO/IEC 27001 KALI KELIMA DAN
EMS ISO 14001 KALI KETIGA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Tarikh : 30 Jun 2016
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Kehadiran : Lampiran A

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
<p>6.1</p>	<p>KATA ALUAN PENERUSI</p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) mengalu-alu kehadiran ahli mesyuarat ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) tahun 2016 yang merupakan kali pertama menggabungkan tiga ISO iaitu Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001 kali keenam, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Kali Kelima, dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001 kali ketiga.</p> <p>(b) mengimbas semula keahlian dan terma rujukan (TOR) Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) sebagaimana Lampiran 1.</p>	<p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p>
<p>6.2</p>	<p>Pengesahan Minit Mesyuarat</p> <p>6.2.1 Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO 2015 (QMS) kali kelima dan EMS kali kedua yang telah diadakan pada 30 Mei 2015 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p> <p>6.2.2 Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) kali keempat yang telah diadakan pada 27 November 2015 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	<p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
6.3	<p>Tindakan Susulan daripada Mesyuarat Lepas</p> <p>6.3.1 Tindakan Susulan MKSP ISO tahun 2015 (QMS kali Kelima dan EMS kali Kedua)</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan berkenaan tindakan susulan yang telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas sebagaimana Lampiran 2.</p> <p>6.3.2 Tindakan Susulan MKSP ISMS kali Keempat</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan berkenaan tindakan susulan yang telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas sebagaimana Lampiran 3.</p>	<p>Makluman dan tindakan sebagaimana lampiran</p> <p>Makluman dan tindakan sebagaimana lampiran</p>
6.4	<p>Penemuan Audit dan Penilaian Kepatuhan</p> <p>6.4.1 Penemuan Audit QMS</p> <p>6.4.1.1 Audit Badan Pensijilan SIRIM Tahun 2015</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM menerusi pembentangan, dan mengambil makluman bahawa:</p> <p>(a) Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM telah dilaksanakan pada 18, 19, 22 hingga 26 Jun 2015. Sepanjang audit, seramai lapan (8) orang Juruaudit telah terlibat bagi mengaudit skop perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat <i>tertiary</i>, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat;</p> <p>(b) hasil Audit Pensijilan Semula terdapat lima (5) ketakakuran dan 35 (tiga puluh lima) peluang penambahbaikan;</p> <p>(c) kesemua bukti objektif untuk penutupan ketakakuran (NCR) telah dimajukan kepada SIRIM dalam tempoh tiga (3) bulan seperti yang ditetapkan dan telah ditutup. Manakala peluang penambahbaikan, pihak SIRIM akan melihat pada Audit Pensijilan Semula yang dijadualkan pada 19 hingga 22 Julai dan 25 hingga 29 Julai 2016.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>(d) pemantauan tindakan dan kecukupan dokumen sokongan yang perlu disediakan dipantau secara berkala dan status tindakan akan dibenteng pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang akan diadakan pada 14 Julai 2016; dan</p> <p>(e) laporan penuh Audit Pensijilan Semula seperti di Lampiran 4.</p> <p>6.4.1.2 Audit Dalaman QMS 2016</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil makluman berhubung laporan audit oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM menerusi pembentangan, dan mengambil maklum pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) telah diadakan pada 4-6 April, 7-8 April, 11-13 April, dan 18-19 April 2016 yang bertujuan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menentukan UPM telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut keperluan Standard MS ISO 9001:2008; ii. mengenal pasti peluang penambahbaikan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian UPM; dan iii. bersedia untuk menghadapi Audit Pemantauan Semakan 1 oleh badan pensijilan. <p>(b) mengambil maklum bahawa audit dalaman telah dilaksanakan oleh 82 (lapan puluh dua) orang Juruaudit UPM dan dibantu oleh Juruaudit PTJ.</p> <p>(c) dimaklumkan bahawa skop audit adalah menyeluruh iaitu pengurusan prasiswazah, siswazah, penyelidikan dan inovasi dan proses sokongan, dan operasi perkhidmatan melibatkan semua Pusat Tanggungjawab kecuali Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa, Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik, Institut Kajian Perladangan, dan Pusat Antarabangsa.</p>	<p>Tindakan: Pusat Jaminan Kualiti</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>(d) mengambil makluman terhadap enam (6) kekuatan dan satu (1) kelemahan yang dilaporkan oleh Ketua Juruaudit Dalam UPM.</p> <p>(e) meminta mengambil tindakan penutupan Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalam QMS sebagaimana tarikh penutupan yang dicadangkan.</p> <p>(f) mengambil maklum laporan penuh penemuan audit dalam tahun 2016 sebagaimana di Lampiran 5.</p>	<p>Makluman</p> <p>Ketua PTJ / TWP berkaitan</p> <p>Makluman</p>
	<p>6.4.2 Penemuan Audit ISMS</p> <p>6.4.3.1 Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM Tahun 2015</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan pembentangan laporan audit Pensijilan Semula oleh SIRIM dan mengambil makluman bahawa:</p> <p>(a) Audit Pengurusan Keselamatan Maklumat oleh SIRIM telah dilaksanakan pada 8 hingga 10 Disember 2015. Sepanjang audit, seramai tiga (3) orang Juruaudit telah terlibat bagi mengaudit skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra; ii. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk pengoperasian pusat data bagi proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah; dan iii. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana bagi proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah. <p>(b) hasil Audit Pemantauan terdapat satu (1) ketakakuran iaitu sepuluh (10) peluang penambahbaikan;</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>6.4.3 Penemuan Audit EMS</p> <p>6.4.3.1 Audit Pemantauan Semakan 1 oleh SIRIM Tahun 2015</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan pembentangan laporan audit Pemantauan Semakan 1 oleh SIRIM dan mengambil makluman bahawa:</p> <p>(a) Audit Pengurusan Alam Sekitar oleh SIRIM telah dilaksanakan pada 25 hingga 27 Mei 2015. Sepanjang audit, seramai empat (4) orang Juruaudit telah terlibat bagi mengaudit skop penyediaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran;</p> <p>(b) hasil Audit Pemantauan terdapat satu (1) ketakakuran iaitu lapan (8) peluang penambahbaikan;</p> <p>(c) kesemua bukti objektif untuk penutupan ketakakuran (NCR) telah dimajukan kepada SIRIM dalam tempoh tiga (3) bulan seperti yang ditetapkan dan telah ditutup; dan</p> <p>(d) laporan penuh penemuan Audit Pemantauan Semakan 1 EMS tahun 2016 sebagaimana di Lampiran 8.</p> <p>6.4.3.2 Audit Dalaman EMS 2016</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil makluman berhubung laporan audit oleh Ketua Juruaudit Dalaman EMS UPM menerusi pembentangan, dan mengambil maklum pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) telah diadakan pada 23 hingga 26 Mei 2016 yang bertujuan untuk:</p> <p>i. melaksanakan Sistem Pengurusan Alam Sekitar berdasarkan keperluan standard MS ISO 14001:2004 dengan efektif selaras dengan Dasar Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia serta objektif dan sasaran Sistem Pengurusan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia; dan</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>ii. bersedia untuk menghadapi Audit Pemantauan Semakan Kedua oleh badan pensijilan.</p> <p>(b) mengambil maklum bahawa audit dalaman telah dilaksanakan oleh 50 (lima puluh) orang Juruaudit UPM.</p> <p>(c) mengambil maklum laporan penuh penemuan audit dalaman EMS tahun 2016 sebagaimana di Lampiran 9.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
	<p>6.4.3.3 Penilaian Kepatuhan dengan Keperluan Perundangan dan Keperluan Lain</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum pembentangan laporan penilaian kepatuhan dengan keperluan perundangan dan keperluan lain Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) yang telah disediakan oleh urus setia Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) iaitu Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU).</p> <p>(b) mengambil maklum Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2015 dan 1 kali pada tahun 2016 untuk menilai sama ada pemantauan aktiviti EMS yang dijalankan oleh peneraju adalah selaras dengan undang-undang alam sekitar yang berkaitan.</p> <p>(c) meminta supaya membetulkan terminologi bagi pelepasan udara kepada pelepasan asap.</p> <p>(d) mengambil maklum laporan penuh JKPK adalah sebagaimana di Lampiran 10.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: Urus Setia JKPK</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan audit, mesyuarat memutuskan bahawa UPM telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat, dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar dengan baik pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun, kelemahan dan cadangan penambahbaikan yang ditemui/dikemukakan perlu diambil tindakan yang berkesan.</p> <p>Manakala berdasarkan laporan penilaian kepatuhan Sistem Pengurusan Alam Sekitar, mesyuarat memutuskan pihak UPM perlu meneliti dan mengambil perhatian justifikasi ketidakpatuhan sepenuhnya terhadap undang-undang yang dilaporkan adalah berkaitan perancangan keseluruhan melibatkan keputusan universiti termasuk isu kewangan dan kelulusan peruntukan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Tindakan: Wakil Pengurusan / Timbalan Wakil Pengurusan EMS</p>
<p>6.5</p>	<p>Komunikasi/Maklumbalas Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan</p> <p>6.5.1 Maklumbalas Pelanggan (Pelanggan Dalam dan Luar)</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Sistem Maklum Balas Pelanggan atau lebih dikenali sebagai U-Respons dibangunkan secara in-house oleh iDEC dan mula digunakan sepenuhnya mulai tahun 2012. Sistem U-Respons boleh diakses di alamat berikut http://www.upm.edu.my/mb untuk memberikan maklum balas, manakala untuk proses tindakan pula boleh diakses di http://u-respons.upm.edu.my;</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>(b) dimaklumkan bahawa Sistem ini dipantau dan diseliasa setiap hari oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) dan dibantu oleh operator yang dilantik di peringkat induk dan dilaporkan kepada Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses secara berkala;</p> <p>(c) mengambil makluman laporan keseluruhan maklum balas pelanggan UPM yang dibentang oleh Peneraju Proses adalah sebagaimana di Lampiran 11.</p> <p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan supaya semua maklum balas yang diterima perlu diteliti dan diambil tindakan. Jika maklum balas bersifat aduan maka punca ketakakuran perlu dikenalpasti dan mengambil tindakan mengikut keperluan supaya dapat menambahbaik perkhidmatan yang diberi.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
	<p>6.5.2 Kajian Kepuasan Pelanggan</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum latar belakang Kajian Kepuasan Pelanggan Tahun 2015 iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. terbahagi kepada empat (4) kategori utama mengikut kategori fungsi utama Universiti iaitu prasiswazah, pascasiswazah, penyelidikan dan inovasi, dan perkhidmatan sokongan; ii. pelaksanaan kajian menggunakan dua (2) kaedah iaitu melalui Borang Kajian Kepuasan Pelanggan dan juga menggunakan edaran borang secara <i>online</i>; dan iii. sistem kajian kepuasan pelanggan tersebut boleh diakses melalui laman web UPM dalam tempoh kajian adalah dibuka sepanjang tahun. Kajian ini terbuka kepada semua warga dan pelanggan UPM termasuklah pelajar, pelawat, agensi luar, dan sebagainya. <p>(b) mengambil perhatian cadangan penambahbaikan Sistem Maklum Balas Pelanggan (u-respon) dinaik taraf kepada <i>friendly mobile</i> bagi memastikan maklum balas pelanggan mudah dicapai melalui telefon;</p>	<p>Makluman</p> <p>Tindakan: Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti/ Pengarah iDEC</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>(c) mengambil makluman laporan keseluruhan kajian kepuasan pelanggan yang dibentang oleh Peneraju Proses adalah sebagaimana di Lampiran 12.</p> <p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa UPM akan mengambil tindakan mengikut keutamaan, terhadap penemuan kajian kepuasan pelanggan berdasarkan sumber sedia ada bagi meningkatkan kepuasan pelanggan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>6.6</p>	<p>Maklum Balas Pemegang Taruh (ISMS)</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan keberkesanan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) tahun 2016 hanya dapat dilaporkan setelah pelaksanaan soal selidik ke atas pelajar baharu dilaksanakan seperti berikut:</p> <p>(i) kajian soal selidik akan dijalankan pada hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah yang mendaftar semasa Minggu Perkasa Putra di Universiti Putra Malaysia bagi sesi kemasukan 2016/2017 yang dijadualkan pada 31 Ogos 2016;</p> <p>(ii) pelaksanaan soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui tahap penerimaan kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran yang disediakan kepada pelajar baharu;</p> <p>(iii) soalan kajian adalah berdasarkan tahap kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran pelajar baharu terhadap jenis perkhidmatan yang diterima daripada setiap peneraju/entiti yang menawarkan perkhidmatan;</p> <p>(iv) kaedah pelaksanaan soal selidik adalah secara atas talian dimana <i>workstation</i> soal selidik akan ditempatkan di setiap kolej kediaman semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dan pelajar akan menjawab soal selidik berkenaan selepas menyempurnakan proses di semua kaunter pendaftaran;</p> <p>(v) pelaksanaan soal selidik melibatkan peneraju proses seperti Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Kediaman dan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN																
	<table border="1" data-bbox="491 230 1147 763"> <thead> <tr> <th data-bbox="491 230 940 302">Peneraju</th> <th data-bbox="940 230 1147 302">Pencapaian (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="491 302 940 365">1. Akademik</td> <td data-bbox="940 302 1147 365">94.9</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 365 940 427">2. Penyelidikan dan inovasi</td> <td data-bbox="940 365 1147 427">98.8</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 427 940 490">3. Hal Ehwal Pelajar</td> <td data-bbox="940 427 1147 490">95.2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 490 940 573">4. Jaringan Industri dan Masyarakat</td> <td data-bbox="940 490 1147 573">99.5</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 573 940 636">5. Sumber Manusia</td> <td data-bbox="940 573 1147 636">89.1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 636 940 698">6. Pengurusan Kewangan</td> <td data-bbox="940 636 1147 698">89.8</td> </tr> <tr> <td data-bbox="491 698 940 763">7. Perkhidmatan Perpustakaan</td> <td data-bbox="940 698 1147 763">90</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="395 853 555 887">Kesimpulan:</p> <p data-bbox="395 920 1155 1095">Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat mengambil maklum pencapaian KPI UPM adalah baik. KPI yang tidak mencapai sasaran telah dikenalpasti tindakan pembetulan untuk diambil tindakan sewajarnya.</p>	Peneraju	Pencapaian (%)	1. Akademik	94.9	2. Penyelidikan dan inovasi	98.8	3. Hal Ehwal Pelajar	95.2	4. Jaringan Industri dan Masyarakat	99.5	5. Sumber Manusia	89.1	6. Pengurusan Kewangan	89.8	7. Perkhidmatan Perpustakaan	90	<p data-bbox="1246 920 1406 954">Makluman</p>
Peneraju	Pencapaian (%)																	
1. Akademik	94.9																	
2. Penyelidikan dan inovasi	98.8																	
3. Hal Ehwal Pelajar	95.2																	
4. Jaringan Industri dan Masyarakat	99.5																	
5. Sumber Manusia	89.1																	
6. Pengurusan Kewangan	89.8																	
7. Perkhidmatan Perpustakaan	90																	
	<p data-bbox="288 1128 1155 1193">6.7.2 Laporan Pencapaian Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat</p> <p data-bbox="384 1211 1155 1420">(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian objektif dan sasaran keselamatan maklumat tahun 2015 dan 2016 adalah sepertimana di Lampiran 14. Sebanyak dua (2) objektif telah dilaksana dan diukur manakala baki tiga (3) lagi objektif akan diukur pencapaiannya semasa sesi kemasukan 2016/2017.</p> <p data-bbox="384 1458 1155 1597">(b) Mesyuarat turut bersetuju supaya pernyataan bagi objektif keselamatan maklumat keempat ISMS di bawah peneraju proses Bahagian Hal Ehwal Pelajar ditambahbaik sepertimana cadangan berikut:</p> <table border="1" data-bbox="427 1632 1150 1989"> <thead> <tr> <th data-bbox="427 1632 759 1671">Asal</th> <th data-bbox="759 1632 1150 1671">Cadangan perubahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="427 1671 759 1989">Memastikan 100% pelajar yang berdaftar adalah pelajar yang mendapat tawaran</td> <td data-bbox="759 1671 1150 1989">Memastikan 100% pelajar yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah/ Memastikan 100% pelajar yang telah mendapat tawaran dan berjaya mendaftar sebagai pelajar mengemukakan tawaran yang sah.</td> </tr> </tbody> </table>	Asal	Cadangan perubahan	Memastikan 100% pelajar yang berdaftar adalah pelajar yang mendapat tawaran	Memastikan 100% pelajar yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah/ Memastikan 100% pelajar yang telah mendapat tawaran dan berjaya mendaftar sebagai pelajar mengemukakan tawaran yang sah.	<p data-bbox="1246 1211 1406 1245">Makluman</p> <p data-bbox="1193 1458 1461 1563">Tindakan: Timbalan Wakil Pengurusan ISMS</p>												
Asal	Cadangan perubahan																	
Memastikan 100% pelajar yang berdaftar adalah pelajar yang mendapat tawaran	Memastikan 100% pelajar yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah/ Memastikan 100% pelajar yang telah mendapat tawaran dan berjaya mendaftar sebagai pelajar mengemukakan tawaran yang sah.																	

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p><u>Kesimpulan</u> Objektif ISMS telah disesuaikan dengan keperluan standard serta memenuhi sasaran yang ditetapkan dan sebahagiannya akan diukur semasa sesi kemasukan 2016/2017.</p>	
	<p>6.7.3 Pelaksanaan Kawalan di Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) pelaksanaan kawalan di pelan pemulihan risiko keselamatan maklumat telah dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi dengan kerjasama Peneraju Proses yang terlibat dengan proses pendaftaran pelajar baharu; (b) keseluruhan aset yang dinilai dikategorikan kepada tiga (3) nilai risiko (risk value) iaitu <i>low</i>, <i>medium</i> dan <i>high</i>; dan (c) laporan ringkas pelaksanaan kawalan di pelan pemulihan risiko keselamatan maklumat tahun 2016 adalah seperti di Lampiran 15. <p><u>Kesimpulan</u> Pelaksanaan kawalan bagi pemulihan risiko telah dikenalpasti dan diukur keberkesanannya berdasarkan keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
	<p>6.7.4 Laporan Pencapaian Objektif dan Sasaran Alam Sekitar</p> <p>Mesyuarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengambil maklum objektif alam sekitar di UPM dibangunkan hasil daripada penilaian aspek impak alam sekitar yang signifikan iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i. Penjimatan penggunaan kertas; ii. Penjimatan tenaga elektrik; iii. Memantau pelepasan asap bas bahan bakar diesel; iv. Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik; v. Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan; vi. Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan; dan vii. Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan. 	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>(b) dimaklumkan laporan semakan pencapaian telah dibuat semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM kali ke-26 yang telah diadakan pada 26 Januari 2016 sebagaimana Lampiran 16.</p> <p>(c) mengambil perhatian objektif yang tidak mencapai sasaran telah diambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.</p> <p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa pencapaian objektif Alam Sekitar bagi tahun 2015 telah dilaporkan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar di UPM. Walau bagaimanapun tindakan pembetulan telah dikenalpasti bagi lima (5) objektif/sub objektif yang tidak mencapai sasaran.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>6.8</p>	<p>Status Tindakan Pencegahan dan Tindakan Pembetulan (QMS dan EMS)</p> <p>6.8.1 Status Tindakan Pencegahan</p> <p>Mesyuarat meneliti dan mengambil perhatian status tindakan pencegahan yang direkodkan adalah sebanyak satu (1) laporan bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) bagi tempoh 1 April 2015 hingga 30 Mei 2016 sebagaimana Lampiran 17.</p> <p>6.8.2 Status Tindakan Pembetulan</p> <p>Mesyuarat meneliti dan mengambil perhatian status tindakan pembetulan QMS dan EMS yang direkodkan. Mesyuarat dimaklumkan laporan tindakan pembetulan ini adalah daripada sumber Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, Pelan Tindakan peringkat Fungsian dan Aras, dan objektif alam sekitar, iaitu:</p> <p>i. 11 (Sebelas) bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) bagi tempoh 1 April 2015 hingga 30 Mei 2016 sebagaimana Lampiran 18; dan</p> <p>ii. lima (5) tindakan pembetulan EMS bagi tempoh 1 April 2015 hingga 30 Mei 2016 sebagaimana Lampiran 19.</p>	<p>Tindakan: Bursar dan TWP Pejabat Bursar</p> <p>Tindakan: Ketua PTJ & TWP PTJ berkaitan sebagaimana lampiran</p> <p>Tindakan: Ketua PTJ & TWP PTJ berkaitan sebagaimana lampiran</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Setelah menerima dan meneliti status tindakan pencegahan dan tindakan pembetulan, UPM mendapati bahawa tindakan pencegahan dan tindakan pembetulan direkod dan dilaksanakan secara berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan kelestarian alam sekitar.</p>	<p>Makluman</p>
<p>6.9</p>	<p>Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan (ISMS)</p> <p>Mesyuarat meneliti dan mengambil maklum terdapat satu (1) laporan ketakakuran Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi tahun 2016 sepertimana dinyatakan di Lampiran 20.</p> <p><u>Kesimpulan</u></p> <p>Didapati bahawa ketakakuran telah dikenalpasti dan tindakan pembetulan telah dilaksanakan dengan berkesan bagi memastikan prestasi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan pemegang taruh sentiasa dapat ditingkatkan.</p>	<p>Tindakan: Pengaruh & TWP iDEC</p>
<p>6.10</p>	<p>Perubahan yang Memberi Kesan</p> <p>6.10.1 Pembentukan dan Semakan Dasar (ISO dan PKP)</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Dasar ISO dan Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan (PKP) di UPM dibentuk berdasarkan keperluan Standard ISO dan arahan MAMPU iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Dasar Kualiti – Berdasarkan keperluan Standard MS ISO 9001:2008 Klausula 5.3; ii. Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat – Berdasarkan keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013 klausula 5.2; iii. Dasar Sistem Pengurusan Alam Sekitar – Berdasarkan keperluan Standard MS ISO 14001:2004 Klausula 4.2; iv. Dasar Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan (PKP) – Berdasarkan Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU, No. Rujukan MAMPU.BPICT.700-4/2/11(3) bertarikh 22 Januari 2010. 	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(b) mengambil maklum semua dasar yang dibentuk perlu disemak kesesuaian dari masa ke semasa selaras keperluan yang dinyatakan. Perincian dasar adalah sebagaimana Lampiran 21.</p> <p>(c) bersetuju Dasar Kualiti, Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat, Dasar Sistem Pengurusan Alam Sekitar, dan Dasar Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan (PKP) adalah sesuai dan masih relevan bagi pelaksanaan QMS, ISMS dan EMS di UPM pada tahun 2016.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
	<p>6.10.2 Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) dimaklumkan bahawa laporan perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti ini merangkumi aspek perubahan yang telah dilaksana dari segi penstrukturan organisasi, perubahan terhadap proses kerja melalui teknologi dan inovasi, pelan tindakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan sebagainya yang memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan dan pencapaian universiti;</p> <p>(b) mengambil maklum status perubahan yang telah dibuat iaitu sebanyak sembilan (9) telah dilaksanakan secara berterusan dan sebanyak empat (4) dalam proses pelaksanaan. Laporan perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti adalah seperti pada Lampiran 22;</p> <p>(c) mengambil perhatian empat (4) perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti yang dilaporkan masih dalam proses tindakan pelaksanaan, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. pembangunan Hospital Pengajaran UPM; ii. membangunkan sebuah <i>Children's Garden and Sensory Garden</i> iaitu persekitaran taman yang direka bertujuan merangsang deria penglihatan, bau, sentuhan, rasa, dan bunyi melalui tumbuhan dan penggunaan tanaman bersesuaian; 	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: Pegawai Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset</p> <p>Tindakan: Dekan Fakulti Pertanian dan Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>iii. menubuhkan Institut Sekuriti Makanan (ISM) yang akan menerajui agenda Sekuriti Makanan Negara ini melalui kerjasama dengan entiti yang terlibat secara langsung dalam sektor pertanian dan makanan negara, seperti pelabur, pusat penyelidikan, dan institusi pendidikan tinggi; dan</p> <p>iv. penawaran program 2u2i iaitu Pembelajaran Berasaskan Kerja (<i>Work-Based Learning</i>). Pelajar yang mengikuti program ini akan menyempurnakan pengajian selama dua tahun di universiti dan dua tahun di industri.</p>	<p>Tindakan: Timbalan Naib Canselori (Penyelidikan dan Inovasi)</p> <p>Tindakan : Timbalan Naib Canselori (Akademik dan Antarabangsa)</p>
	<p>6.10.3 Perubahan Isu Dalam dan Luaran yang Memberi Kesan kepada Pengurusan Keselamatan Maklumat</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan perubahan isu dalam dan luaran yang memberi kesan kepada pengurusan keselamatan maklumat adalah seperti di lampiran 23. Sepanjang tahun 2015 dan 2016, terdapat sebanyak enam (6) perubahan melibatkan isu dalam yang mana tiga (3) daripadanya telah dilaksanakan manakala baki tiga (3) lagi isu yang sedang dalam proses pelaksanaan adalah seperti berikut:</p> <p>(a) menambahbaik program pemeriksaan kesihatan untuk semua pelajar baharu prasiswazah (termasuk Asasi Pertanian) di Kampus Serdang;</p> <p>(b) Pentadbir Sistem boleh mengakses ke sistem melalui <i>workstation</i> masing-masing menggunakan kawalan yang telah ditetapkan (<i>teleworking</i>);</p> <p>(c) Pelaksanaan UPM ID sebagai ID tunggal untuk semua staf dan pelajar UPM mencapai ke sistem aplikasi <i>online</i> UPM.</p> <p><u>Kesimpulan</u> Berdasarkan keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013 serta matlamat pelan strategik universiti, maka halatuju pelaksanaan ISMS universiti berada dilandaskan yang betul dengan memberi tumpuan kepada pengurusan keselamatan maklumat untuk pelajar, pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan korporat.</p>	<p>Tindakan: Ketua & TWP Pusat Kesihatan Universiti</p> <p>Tindakan: Pengarah & TWP iDEC</p> <p>Tindakan: Pengarah & TWP iDEC</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>6.10.4 Daftar Undang-undang yang Memberi Kesan kepada Pengurusan Alam Sekitar</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 klausa 4.3.2, UPM telah membangun dan mengekalkan Prosedur Undang-undang dan Keperluan Lain yang bertujuan untuk mengenalpasti, mengakses, mengemas kini, menyenggara dan berkomunikasi dengan semua undang-undang yang berkaitan dan lain-lain keperluan yang terus terpakai bagi aktiviti-aktiviti Universiti Putra Malaysia yang berkaitan dengan alam sekitar;</p> <p>(b) dimaklumkan hasil daripada pengenalpastian undang-undang semasa yang berkaitan dengan skop Sistem Pengurusan Alam Sekitar, UPM telah menyediakan Senarai Daftar Undang-undang dan Keperluan lain yang berkaitan sebagai rujukan pelaksanaan EMS di UPM;</p> <p>(c) mengambil perhatian semakan dan perubahan Senarai Daftar Undang-undang dan Keperluan lain yang berkaitan sedang dibuat bagi menghasilkan rujukan undang-undang adalah terkini dan relevan. Perincian laporan perubahan Daftar Undang-undang yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Alam Sekitar adalah seperti Lampiran 24.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: TWP Pejabat Penasihat Undang-Undang</p>
	<p>6.10.5 Penilaian Aspek Impak yang Memberi Kesan kepada Pengurusan Alam Sekitar</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 klausa 4.3.1, UPM telah membangun dan mengekalkan prosedur Pengenalpastian Penilaian Aspek dan Impak Alam Sekitar yang bertujuan untuk mengenalpasti aspek-aspek alam sekitar bagi menentukan perkara-perkara yang telah atau boleh memberi kesan yang ketara ke atas alam sekitar di UPM.</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(b) dimaklumkan semua keperluan dan hasil setiap aktiviti dan proses yang boleh memberi kesan terhadap persekitaran hasil daripada penggunaan sumber semula jadi atau lain-lain bahan perlu dibuat penilaian berdasarkan penglibatan akta dan perundangan, kebarangkalian/ kemungkinan terjadinya impak alam sekitar, dan kesan (merangkumi kerosakan dan radius). Hasil daripada penilaian aspek impak tersebut, aspek persekitaran yang signifikan diambil kira dalam penyediaan objektif dan sasaran Sistem pengurusan Alam Sekitar UPM.</p> <p>(c) mengambil perhatian semakan dan penilaian semula aspek impak alam sekitar UPM sedang dilaksanakan bagi menghasilkan Objektif EMS yang terkini dan relevan. Laporan perubahan penilaian aspek impak yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Alam Sekitar adalah seperti pada Lampiran 25.</p>	<p>Makluman</p> <p>Tindakan: Timbalan Wakil Pengurusan EMS</p>
	<p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa UPM telah melaksanakan perubahan yang memberi kesan kepada pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat, dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar secara berterusan untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan dan keselamatan maklumat bagi mencapai tahap kepuasan pelanggan dan pemegang taruh serta kelestarian alam sekitar.</p>	<p>Makluman</p>
<p>6.11</p>	<p>Hasil Penilaian Risiko dan Status Pelan Pemulihan Risiko Pengurusan Maklumat</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum laporan hasil penilaian risiko dan status pelan pemulihan risiko tahun 2016 adalah seperti berikut:</p> <p>(a) penilaian risiko telah dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi dengan kerjasama pentadbir proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah yang terlibat;</p> <p>(b) penilaian dilaksanakan berasaskan metodologi Penilaian Risiko Terperinci MyRAM (<i>Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment System</i>) yang dibangunkan oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU);</p> <p>(c) aset dinilai dan dikategorikan sebagai <i>low</i>, <i>medium</i> atau <i>high</i> berdasarkan ciri utama keselamatan iaitu kerahsiaan, integriti dan ketersediaan;</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(d) output penilaian risiko tahun 2016 bagi aset yang berjumlah 530 dengan 1109 jumlah risiko/ancaman adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Aset berisiko tinggi sebanyak 13 ancaman (1.17%); ii. Aset berisiko sederhana sebanyak 254 ancaman (22.9%); iii. Aset berisiko rendah sebanyak 842 ancaman (75.9%). <p>(e) laporan ringkas hasil penilaian risiko tahun 2016 adalah sepertimana di Lampiran 26.</p> <p><u>Kesimpulan</u> Berdasarkan keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013 serta matlamat pelan strategik universiti, maka halatuju pelaksanaan ISMS universiti berada dilandaskan yang betul dengan memberi tumpuan kepada pengurusan keselamatan maklumat untuk pelajar, pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan korporat.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>6.12</p>	<p>Peluang Penambahbaikan</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) dimaklumkan laporan peluang penambahbaikan ini direkodkan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Perutusan 100 Hari Naib Canselor pada tahun 2016, pemantauan proses produk/perkhidmatan, hasil laporan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan sebagainya;</p> <p>(b) meneliti dan mengambil perhatian peluang penambahbaikan QMS dan ISMS yang direkodkan, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. enam (6) peluang penambahbaikan (OFI) yang telah direkodkan di bawah Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) bagi tempoh 1 April 2015 hingga 30 Mei 2016 (Rujuk Lampiran 27); dan ii. dua (2) OFI di bawah Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi tempoh bagi tempoh 28 Disember 2015 hingga 30 Mei 2016 (Rujuk Lampiran 28). 	<p>Makluman</p> <p>Tindakan: PTJ berkaitan sebagaimana lampiran</p> <p>Tindakan: PTJ berkaitan sebagaimana lampiran</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	<p>Kesimpulan:</p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan peluang penambahbaikan hendaklah dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.</p>	<p>Makluman</p>
	<p>KESIMPULAN KESELURUHAN</p> <p>Secara keseluruhannya didapati bahawa Dasar Kualiti, Dasar Keselamatan Maklumat dan Dasar Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah sesuai dan dikekalkan.</p> <p>Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)ISO/IEC 27001:2013 adalah mencukupi dan berkesan.</p> <p>Walau bagaimanapun bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2004, skop EMS kini didapati mempunyai kekangan terhadap pengukuran dan pematuhan perundangan. Justeru, skop EMS perlu diteliti agar pelaksanaan EMS lebih realistik.</p> <p>UPM berupaya mengekalkan pensijilan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. QMS MS ISO 9001:2008, dan berusaha agar 4 entiti yang kini terkecuali dimasukkan dalam skop pensijilan. 2. ISMS MS ISO/IEC 27001:2013, dan berusaha membuat penambahan entiti dengan melibatkan juga proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra di kampus Bintulu, serta peluasan skop yang melibatkan Penilaian Pengajaran Online & Aktiviti Perlindungan Harta Intelek (UPM IP). 3. EMS ISO 14001:2004, dengan skop baharu yang lebih realistik. <p>Kesimpulannya pihak Universiti bersedia untuk menghadapi audit oleh badan pensijilan yang akan dilaksanakan pada tahun 2016</p>	<p>Makluman</p>
	<p>PENANGGUHAN</p> <p>Mesyuarat tamat pada jam 1.30 petang dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
--------------	-------------------------	-------------------------------